

KUALA LUMPUR, 21 MAC (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI MALAYSIA MENJANGKA MEMPEROLEH FAEDAH YANG SAMA DARIPADA KEGIATAN PERNIAGAAN AMERIKA DI NEGARA INI.

DI SMPING MENGAKUI BAHAWA ORANG-ORANG AMERIKA DATANG KE SINI UNTUK BERNIAGA DAN Mencari KEUNTUNGAN, MALAYSIA JUGA MAHU MELIHAT MEREKA MEMBUAT SUMBANGAN MENOLONG NEGARA INI Mencapai MATALAMAT Menyusun SEMULA MASYARAKAT, KATANYA.

+DENGAN LAIN PERKATAAN, KITA MELIHAT SATU PERANAN RAKYAT AMERIKA DALAM Mencapai MATALAMAT DASAR EKONOMI NEGARA, SATU PERANAN YANG SAH DAN SEJAJAR DENGAN PULANGAN DARIPADA PELABURAN YANG DIBUAT DI NEGARA INI+, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERUCAP MENGENAI +PERANAN AHLI PERNIAGAAN AMERIKA DI MALAYSIA+ DI PELANCARAN MAJLIS PERNIAGAAN AMERIKA DI SINI. — BERSAMBUNG 1527/BY

££

B562

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA MALAYSIA MEMANDANG SANGAT SERIUS TENTANG USAHA PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT SEPERTI JUGA DENGAN RAKYAT AMERIKA YANG SERIUS TENTANG MEMPERBETULKAN KEADAAN TIDAK SEIMBANG DALAM MASYARAKAT AMERIKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MANAMBAH, MALAYSIA TIDAK MAHU MELIHAT AHLI PERNIAGAAN AMERIKA CUBA MENGAGALKAN USAHA PELABURAN NEGARA INI DENGAN MEMPAPARKAN TENTANG KEHAMPAAAN MEREKA DALAM AKHBAR-  
AKHBAR AMERIKA.

+SAYA INGIN MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA MEMPUNYAI HAK MENARUH HARAPAN TERHADAP KEGIATAN PERNIAGAAN AMERIKA DI NEGARA INI SEPERTI JUGA DENGAN RAKYAT AMERIKA SENDIRI BERHAK BERBUAT DEMIKIAN+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYEBUT EMPAT BIDANG DI MANA MALAYSIA MEMANDANG KE HADAPAN BEKERJASAMA DENGAN MAJLIS YANG DITUBUHKAN ITU.

MENGENAI SOAL MENOLONG MENAMBAH PELABURAN AMERIKA DI MALAYSIA, BELIAU MENGGESA MAJLIS ITU MEMENUHI MATALAMAT YANG DITETAPKAN UNTUK MENYEDIAKAN MAKLUMAT DAN BANTUAN KEPADA FIRMA AMERIKA YANG BERMINAT MELABUR DI MALAYSIA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PADA KESELURUHANNYA AHLI-AHLI PERNIAGAAN AMERIKA ADALAH LEBIH BERPUAS HATI DENGAN APA YANG MEREKA PEROLEHI DI MALAYSIA. —BERSAMBUNG 1531/BY

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

SATU LAGI BIDANG YANG MAJLIS ITU BOLEH MAINKAN PERANAN POSITIF IALAH MEMBETULKAN SALAH ANGGAH DAN SALAH PENGERTIAN TENTANG MALAYSIA YANG DISIARKAN DALAM MEDIA ANTARABANGSA TERUTAMA SEKALI ALAT SEBARAN AMERIKA, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGGESA MAJLIS ITU SUPAYA MENGAMBIL LANGKAH POSITIF MENGHAPUSKAN SALAH PENGERTIAN YANG SEUMPAMA ITU.

BIDANG YANG KETIGA IALAH MENDAPATKAN KERJASAMA MENOLONG MEMENUHI MATALAMAT MENAMBAH PENYERTAAN RAKYAT MALAYSIA TERUTAMA BUMI-PUTERA DALAM SEKTOR PEKILANGAN.

KATANYA, KERAJAAN SEDAR DAN MENGETAHUI BAHAWA PARA PELABUR SERING MENGHADAPI MASALAH MENDAPATKAN PENYERTAAN BUMI-PUTERA DAN KERAI ITULAH MENGAPA PELAKSANAAN +SAHAM SIMPANAN+ AGAK TERTOLAK ANSOR.

BELIAU MENAMBAH TIDAK ADA PROJEK YANG AKAN DICEGAH DARIPADA DILAKSANAKAN HANYA KERANA IA TIDAK DAPAT MEMENUHI KEHENDAK INI.

BELIAU BERKATA KERAJAAN JUGA MEMPUNYAI INSTUTUSI YANG DIBERI TARAF 209  
BUMIPUTERA BAGI TUJUAN YANG DIMAKSUDKAN ITU.

DATUK SER DR. MAHATHIR JUGA MENYERU ORANG-ORANG AMERIKA  
MEMBINA SATU TINGKAT KEMAHIRAN TEKNIKAL DI KALANGAN PEKERJA MALAYSIA  
KERANA TENAGA KEPAKARAN AMERIKA DIKTIRAF SEBAGAI YANG PALING BAIK  
DI DUNIA. --BERSAMBUNG 1539/BY

EE

B566

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA KERAJAAN MAHU MELIHAT LEBIH BANYAK RANCANGAN  
LATIHAN YANG KOMPREHENSIF DIBERI KEPADA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA  
DAN LEBIH BANYAK PELUANG UNTUK MEREKA MELANJUTKAN LATIHAN DI  
AMERIKA DAN DI SEBERANG LAUT.

MENGENAI HUBUNGAN PERDAGANGAN KEDUA-DUA NEGARA, DATUK SERI  
DR. MAHATHIR BERKATA IA ADALAH SANGAT BAIK DAN JUMLAH PERDAGANGAN  
ANTARA KEDUA NEGARA TELAH BERTAMBAH DARI \$1,078 JUTA DALAM TAHUN  
1972 KEPADA \$3,330 JUTA DALAM TAHUN 1976.

ADA LEBIH 160 BUAH FIRMA AMERIKA, ANAK SYARIKATNYA DAN SYARIKAT  
MENDUDUKI TEMPAT KETIGA DENGAN JUMLAH PELABURAN LEBIH \$190 JUTA  
DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERTARAF PERINTIS, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TIDAK MAHU BERSAING DENGAN  
AMERIKA SYARIKAT DI BIDANG PERUSAHAAN TETAPI MAHU KEDUA-DUA NEGARA  
SALING BANTU MEMBANTU. --BERNAMA 1552/BY